



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	13 FEBRUARI 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	ART TAK 'MENGIKAT' DASAR NUKLEAR NEGARA		
M/S	2 (NASIONAL)	KATA KUNCI	DTNN, MALAYSIA, USA,
BIDANG	NUCLEAR	AGREEMENT ON RECIPROCAL TRADE (ART)	

ART tak 'mengikat' dasar nuklear negara

Malaysia bebas beli sumber reaktor, bahan api dari negara selain AS jika tawaran lebih kompetitif

Oleh Adha Ghazali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) tidak mengehendkan kedaulatan negara dalam menentukan hala tuju dasar dan kerjasama strategik program tenaga nuklear dengan mana-mana negara pembekal.

Penegasan itu diberikan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof, menjawab soalan dibangkitkan Syerleena Abdul Rashid

(PH-Bukit Bendera) mengenai Artikel 5.3 dalam perjanjian itu yang mengehendkan perolehan bahan nuklear dari 'negara tertentu' akan mengubah hala tuju dasar nuklear negara dalam konteks kerjasama dengan empat negara terbabit.

Tegas Fadillah, secara dasarnya peruntukan itu tidak mengehendkan Malaysia memperoleh atau membeli reaktor nuklear, bahan api nuklear atau bahan nuklear lain dari negara selain AS jika tawaran dikemukakan negara terbabit lebih kompetitif dari segi teknikal dan komersial berbanding tawaran oleh AS.

"Artikel ini juga tidak menyatakan sebarang halangan untuk Malaysia menjalinkan hubungan atau kerjasama dengan mana-mana negara dalam pelbagai aspek berkaitan tenaga nuklear termasuk latihan, penyelidikan, pembangunan keupayaan, keselamatan nuklear, radiasi dan lain-lain.

"Oleh yang demikian, ART tidak mengehendkan kedaulatan Malaysia dalam menentukan ha-

la tuju dasar dan kerjasama strategik program tenaga nuklear dengan mana-mana negara pembekal teknologi nuklear termasuk Russia, China, Perancis dan Korea," katanya melalui jawapan disiarkan di laman web Parlimen.

Amal pendekatan seimbang Malaysia dan AS menandatangani ART ketika Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Kuala Lumpur, pada 26 Oktober tahun lalu.

Perjanjian itu cadangan AS bagi merunding semula tarif terhadap Malaysia daripada 25 peratus kepada 19 peratus, di bawah Executive Order 14257 yang dikeluarkan Presiden Donald Trump pada 2 April 2025.

Dalam pada itu, Fadillah menegaskan kerajaan akan terus mengamalkan pendekatan seimbang, berkecuali dan berasaskan kepentingan nasional dalam mempertimbangkan sebarang kerjasama dan pembangunan teknologi nuklear selaras dengan komitmen dan keperluan undang-undang antarabangsa.